

Kempen Keahlian Percuma

dengan hanya perbelanjaan minimum RM10.00

Terma dan Syarat

1. TEMPOH KEMPEN

Tempoh kempen bermula dari 1 Julai hingga 30 September 2024.

2. KEAHLIAN PERCUMA

- 2.1 Pemohon mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan harus memastikan bahawa setiap butiran yang diberikan kepada COSWAY semasa permohonan keahlian atau pada bila-bila masa kelak adalah betul, tepat, dan terkini. COSWAY berhak untuk menolak sebarang permohonan, atau membatalkan keahlian, jika permohonan telah dilluluskan, jika mana-mana pemohon atau ahli di dapati memberikan maklumat palsu, tidak tepat, dan lapuk.
- 2.2 Jika pemohon mempunyai ahli keluarga terdekat yang merupakan ahli COSWAY sedia ada, pemohon akan ditaja oleh ahli keluarga terdekat tersebut. Ahli keluarga terdekat adalah ditakrifkan sebagai pasangan, ibu bapa, saudara lelaki, saudara perempuan dan anak-anak.
- 2.3 Pemohon mestilah baharu kepada Cosway atau dengan keahlian yang luput lebih daripada 6 bulan.
- 2.4 Keahlian adalah percuma selama setahun apabila mendaftar sebagai Ahli Cosway baharu, dengan perbelanjaan minimum RM10.00 bagi produk-produk Cosway. Tertakluk kepada semua kategori produk (C, N, T, P, S, V, B, M, RN, Q).
- 2.5 Pendaftaran Ahli Baharu untuk Keahlian Percuma adalah tertakluk untuk pendaftaran di kedai dan secara online.
- 2.6 Ahli baharu akan menerima Kit Permulaan, Tawaran Istimewa Ahli (e-katalog bulanan) dan menikmati diskaun keahlian eksklusif. Ini termasuk Diskaun Hari Jadi bernilai RM200.00 dan e-Baucar Penebusan (eRC) untuk pembelian di kedai Cosway. Ahli baharu juga boleh menjimat sehingga 50% untuk Set Bijak dan menikmati RM10 diskaun (sehingga RM50 diskaun) dan boleh melayakkan diri untuk Insentif dan Bonus. Selain itu, ahli baharu akan diberi diskaun alu-aluan sebanyak RM5.00 yang boleh digunakan untuk pembelian kategori promosi P, S, V, B dan M.
- 2.7 Set Bijak mesti dibeli dalam satu resit dalam tempoh 30 hari menyertai.
- 2.8 Untuk manfaat dan terma & syarat lengkap, sila rujuk kepada SMART Membership Manual di <https://bit.ly/3zMXCFr>

3. PEMBAHARUAN PERCUMA

- 3.1 Bagi ahli Cosway sedia ada yang keahliannya telah luput untuk pembaharuan atau luput tidak lebih daripada 6 bulan, anda akan menikmati PEMBAHARUAN PERCUMA dalam tempoh kempen dengan perbelanjaan minimum produk-produk Cosway sebanyak RM10.00. Tertakluk kepada semua kategori produk (C, N, T, P, S, V, B, M, RN, Q).
- 3.2 Pembaharuan Percuma Satu (1) Tahun akan diteruskan dari tarikh tempoh luput terakhir ahli. Sebagai contoh, sekiranya keahlian telah tamat pada bulan Julai 2024, pembaharuan akan bermula dari Ogos 2024 hingga Julai 2025.
- 3.3 Ahli perlu mengunjungi mana-mana kedai Cosway kami untuk melakukan pembaharuan.
- 3.4 Dengan pembaharuan ini, mereka akan menerima Tawaran Istimewa Ahli (e-katalog bulanan) dan terus menikmati diskaun eksklusif ahli, Diskaun Hari Jadi bernilai RM200.00, Kupon e-Penebusan (eRC) semasa membuat pembelian di kedai Cosway, berserta Insentif dan Bonus. Selain daripada itu, ahli akan diberi e-Baucar Penebusan (eRC) apabila mereka membuat pembelian daripada Tawaran Ganjaran Kesetiaan.

4. PEMBAHARUAN AUTOMATIK PERCUMA

- 4.1 Nikmati pembaharuan automatik secara percuma dengan perbelanjaan minimum RM200.00 setahun.
- 4.2 Pembaharuan Automatik Percuma Satu (1) Tahun akan dilanjutkan bermula dari tarikh keahlian yang terakhir. Sebagai contoh, jika keahlian tamat pada bulan Julai 2024 dan ahli tersebut memenuhi syarat perbelanjaan minimum RM200.00 setahun (dari Ogos 2023 hingga Julai 2024), maka pembaharuan akan dilanjutkan secara automatik sehingga Julai 2025.
- 4.3 Ahli yang layak untuk pembaharuan automatik, yang tamat tempoh keahlian antara Julai dan September 2024, akan diberi e-Baucar Penebusan (eRC) apabila mereka membuat pembelian daripada Tawaran Ganjaran Kesetiaan.

5. GANJARAN ALU-ALUAN

- 5.1 Hanya untuk **ahli yang baharu mendaftar sahaja**.
- 5.2 Diskaun alu-aluan RM5.00 hanya sah untuk pembelian seterusnya dengan perbelanjaan minima RM50.
- 5.3 Sah untuk kategori promosi P, S, V, B dan M.
- 5.4 Boleh digunakan untuk pembelian di kedai dan online.

6. GANJARAN KESETIAAN

- 6.1 Tawaran Ganjaran Kesetiaan yang boleh didapati di https://shop.cosway.com.my/cosway/my/BusinessTemplateFile_my.jsp?fl=Loyalty-Rewards) adalah eksklusif untuk **ahli pembaharuan dan ahli pembaharuan automatik sahaja**.
- 6.2 Setiap ahli layak membuat pembelian sekali sahaja sehingga 3 item (1 unit setiap satu).
- 6.3 Hanya boleh digunakan untuk pembelian di kedai sahaja.

7. AM

- 7.1 Tiada pengembalian / bayaran balik bagi barangan yang dibeli di bawah kempen ini, kecuali produk yang didapati rosak; maka, penggantian produk yang sama atau produk yang mempunyai nilai yang serupa akan diberikan.
- 7.2 Penukaran produk adalah dibenarkan sekiranya produk berada dalam kategori yang sama (C, N, T, P, S, V, B, M, RN, Q).
- 7.3 COSWAY (M) SDN BHD berhak untuk memasukkan, memadam dan / atau meminda Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa. Sebarang Terma dan Syarat yang baharu atau diubah akan menggantikan Terma dan Syarat sedia ada dengan serta-merta.
- 7.4 Dengan menyertai Kempen ini, Ahli-ahli bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini bersama-sama dengan Polisi dan dan Prosedur COSWAY (M) SDN BHD.
- 7.5 Terma dan Syarat kempen adalah ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.